

- 1. Mulai 15 Julai 2020, semua permohonan jawatan SPP perlu menggunakan mySPP, adakah saya masih boleh menggunakan Portal *JobsMalaysia*?**

Anda digalakkan supaya menggunakan mySPP untuk permohonan jawatan SPP. Namun demikian, permohonan jawatan SPP melalui Portal *JobsMalaysia* masih diteruskan sehingga 31 Julai 2020 sahaja.
- 2. Sekiranya saya mempunyai masalah berkaitan mySPP atau Portal *JobsMalaysia*, bolehkah saya membuat aduan kepada SPP atau *JobsMalaysia*?**

SPP hanya bertanggungjawab sepenuhnya ke atas isu / masalah yang berkaitan dengan mySPP. Manakala, isu / masalah berkaitan Portal *JobsMalaysia*, anda dikehendaki untuk membuat aduan terus ke *JobsMalaysia*.
- 3. Apakah keperluan minima untuk menggunakan mySPP?**

Untuk paparan dan fungsi terbaik, sila gunakan *Google Chrome Version 48.0.2564* ke atas, *Mozilla Firefox 45.0* ke atas atau *Internet Explorer (IE) 11.0.9600.18499* dengan resolusi minima skrin 1024 x 768. Anda juga perlu **mengaktifkan javascript** di Pelayar Web anda.
- 4. Bagaimanakah saya hendak mendapatkan MyID bagi mengisi permohonan jawatan di mySPP?**

MyID adalah nombor kad pengenalan anda. Anda perlu mendaftar akaun baharu terlebih dahulu dengan menggunakan MyID sebelum mengisi mySPP.
- 5. Saya telah mendaftar menggunakan MyID dan menetapkan kata laluan tetapi sehingga kini masih belum menerima e-mel daripada pihak SPP untuk mengaktifkan akaun dan kata laluan?**

Pendaftaran mySPP tidak memerlukan pengaktifan melalui e-mel. Alamat E-mel hanya digunakan untuk pengumuman SPP atau panggilan temu duga atau keputusan temu duga.
- 6. Saya telah berdaftar dengan Portal *JobsMalaysia*, adakah ID Pengguna dan kata laluan *JobsMalaysia* boleh digunakan untuk mySPP?**

Tidak boleh. Anda perlu mendaftar akaun baharu di mySPP.
- 7. Adakah semua maklumat pendaftaran saya di Portal *JobsMalaysia* akan disimpan dalam mySPP?**

Tidak. Hanya maklumat tertentu yang berkaitan dengan kegunaan rasmi SPP sahaja, akan disimpan dalam mySPP.

8. **Saya telah membuat permohonan jawatan SPP di *JobsMalaysia* dan SPP telah mengesahkan permohonan jawatan saya, adakah maklumat permohonan jawatan tersebut ada disimpan dalam mySPP?**

Ya. Semua maklumat permohonan jawatan SPP di *JobsMalaysia* yang telah disahkan permohonan oleh SPP akan berada dalam mySPP. Walau bagaimanapun, anda masih perlu mendaftar akaun baharu di mySPP (Portal Semakan Permohonan Jawatan SPP: https://semakan.spp.gov.my/SemakanPermohonan/semak_papar.php).

9. **Saya telah mendaftar di mySPP dan terdapat kesilapan maklumat semasa pendaftaran, bagaimanakah untuk memperbetulkan kesilapan tersebut?**

Anda boleh memperbetulkan kesilapan maklumat dengan log masuk ke mySPP dan mengemas kini maklumat yang silap di modul Maklumat Pemohon.

10. **Sekiranya saya telah membuat pendaftaran MyID dan tersalah memasukkan no. kad pengenalan. Apakah yang harus saya lakukan?**

Sekiranya anda tersilap memasukkan no. kad pengenalan semasa pendaftaran MyID, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda kepada **Hotline mySPP** atau **SISPAA-SPP**.

11. **Apabila saya mendaftar akaun baharu, kenapa dipaparkan mesej 'Harap maaf! MyID telah wujud'?**

Pendaftaran MyID hanya dibenarkan sekali sahaja. Mohon supaya klik pada pautan LUPA KATA LALUAN dan ikuti arahan pada skrin bagi menetapkan semula kata laluan akaun yang telah didaftarkan.

12. **Bolehkah pendaftaran akaun saya dibatalkan?**

Pendaftaran yang telah dibuat tidak boleh dibatalkan dan hanya boleh dikemas kini.

13. **Bagaimanakah hendak mendapatkan semula kata laluan sekiranya terlupa?**

Sekiranya terlupa kata laluan, sila klik pautan LUPA KATA LALUAN dan anda boleh menetapkan semula kata laluan dengan menggunakan pilihan berikut:-

- (a) Nama Ibu dan Negeri Kelahiran Calon (Sewaktu Pendaftaran).

Bagi pilihan (a), anda diminta memasukkan No. Kad Pengenalan dan Nama Penuh (seperti maklumat dalam Kad Pengenalan). Masukkan nama pertama ibu dan negeri kelahiran anda. Kemudian masukkan kata laluan baharu (minima 8 aksara), sahkan kata laluan, masukkan Kod Keselamatan (*case sensitive*) dan klik HANTAR.

Perhatian: Anda perlu mengingati nama pertama ibu (*first name* tanpa *last name*) dan negeri kelahiran sama seperti yang didaftarkan semasa pendaftaran MyID.

Pastikan semua medan bertanda * diisi. Selepas semua medan diisi, klik butang HANTAR. Anda boleh log masuk terus ke mySPP sekiranya reset kata laluan berjaya.

Sekiranya masih gagal untuk menetapkan semula kata laluan, mohon rujuk Panduan Pengguna mySPP.

Sekiranya masih juga tidak berjaya menetapkan semula kata laluan, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda kepada **Hotline mySPP** atau **SISPAA-SPP**.

14. Saya menghadapi masalah iaitu apabila klik pautan dalam mySPP, mesej *pop-up blocker* berlaku. Bagaimanakah saya hendak mengatasi masalah *pop-up blocker* itu?

- (a) Bagi pelayar web (*web browser*) *Internet Explorer*, sila klik **Tools > Pilih *Pop-up Blocker* > Turn Off *Pop-up Blocker***.
- (b) Bagi pelayar web (*web browser*) *Mozilla Firefox*, sila klik **Tools > Pilih *Options* > Sila (*un-tick*) *Block pop-up windows* > klik OK**.
- (c) Bagi pelayar web (*web browser*) *Google Chrome*, sila klik **Settings > Pilih *Privacy and security* > klik pada *Site Settings* > Pilih *Pop-ups and redirects* > *Disable Blocked (recommended)***.

15. Jika saya membuat permohonan jawatan baharu, adakah permohonan saya yang terdahulu akan terbatal?

Ya, permohonan yang terdahulu akan terbatal sekiranya anda membuat permohonan baru. Namun begitu, sekiranya urusan permohonan terdahulu sedang diproses, urusan tersebut tetap akan diteruskan.

16. Adakah permohonan saya yang terdahulu masih sah?

Permohonan anda masih sah jika masih dalam tempoh sah laku pendaftaran. Sah laku pendaftaran permohonan adalah selama satu (1) tahun dan sekiranya tempoh sah laku telah tamat, anda perlu mengemas kini semula dan menghantar pengakuan pemohon sekali lagi.

17. Sekiranya saya mendapati telah tersilap memasukkan maklumat semasa permohonan dan telah menghantar permohonan beberapa hari yang lepas, bolehkah saya mengubah maklumat yang tersilap tadi?

Boleh. Anda boleh mengemas kini maklumat pada bila-bila masa. Namun begitu, setiap kali perubahan yang dilakukan, anda perlu menghantar Pengakuan Pemohon semula untuk memastikan maklumat anda dikemas kini.

18. Bagaimanakah saya hendak melanjutkan tempoh permohonan?

Anda tidak perlu melanjutkan tempoh permohonan jika tempoh sah laku belum luput kecuali jika anda mengemas kini sebarang maklumat, anda perlu klik simpan dan hantar perakuan semula supaya perubahan tersebut akan diproses.

19. **Saya tidak menjumpai IPT / bidang pengkhususan / sijil profesional / sijil ikhtisas / SKM / SVM saya dalam senarai Maklumat Akademik mySPP. Bagaimanakah saya hendak tambah maklumat tersebut?**

Bagi penambahan IPT / bidang pengkhususan, sila semak terlebih dahulu adakah keputusan anda diiktiraf untuk lantikan dalam perkhidmatan awam di Sistem

Pengiktirafan Kelayakan Perkhidmatan Awam (eSISRAF) (<https://www2.mqa.gov.my/esisraf/>). Sekiranya diiktiraf, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda kepada **Hotline mySPP** atau **SISPAA-SPP**.

20. **Adakah sijil matrikulasi boleh digunakan untuk permohonan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG29 atau Pegawai Pendidikan Pengajian Tinggi Gred DH29?**

Tidak boleh.

21. **Saya mengalami masalah selain yang dinyatakan di atas. Bagaimanakah SPP boleh bantu saya?**

Bagi pertanyaan atau aduan selain daripada yang dinyatakan di atas, sila salurkan pertanyaan atau aduan anda kepada **Hotline mySPP** atau **SISPAA-SPP**.

Talian Hotline mySPP : 03-8893 4019 / 4020 / 4021 / 4022

Sistem Pengurusan Aduan Awam, SPP (SISPAA-SPP) : [Klik Di sini](#)

Penafian:

Tiada bahagian daripada terbitan ini boleh diterbitkan semula atau ditukarkan ke dalam sebarang bentuk, sama ada dengan cara elektronik, gambar dan sebagainya tanpa kebenaran serta sebelum mendapat izin bertulis daripada Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP).

©Hak Cipta Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP)

Hak Cipta Terpelihara.

Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Malaysia

Aras 1-4, Blok F9, Kompleks F,
Lebuhraya Perdana Timur, Presint 1,
62000 Putrajaya

Tel : 03-8000 8000

Faks : 03-8871 7499

E-mel : pro@spp.gov.my